

21 NOV 1998

Reformasi

LAGI PERHIMPUNAN HARAM DI KG BARU

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Perhimpunan haram anjuran para penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak lagi mendapat sokongan apabila hanya kira-kira 200 orang berkumpul di Kampung Baru di sini, malam ini.

Perhimpunan kali kesembilan berturut-turut sejak 26 Sept lepas itu bermula di perkarangan Masjid Jamek Kampung Baru selepas solat Isyak.

Tanpa mengendahkan kawalan ketat polis yang dimulakan di situ sejak 4 petang, para penyokong reformasi itu berkumpul sambil melaung-laungkan slogan "Reformasi", "Allahuakbar" dan "Mahathir Undur".

Perhimpunan kali ini berganjak kira-kira 100 meter dari tempat perhimpunan sebelum ini, iaitu di Jalan Raja Abdullah, dan bukannya di persimpangan Jalan Raja Alang-Raja Abdullah. Bagaimanapun, jalan-jalan berkenaan ditutup kepada lalu lintas sejak petang tadi.

Kira-kira pukul 9.15 malam, Ketua Daerah Polis Dang Wangi SAC II Zainal Abidin Ali dan pegawai-pegawai polis lain bergerak ke arah kumpulan itu sambil meminta mereka supaya bersurai. Arahan itu tidak dihiraukan.

Sepuluh minit kemudian, sekali lagi arahan yang sama dibuat. Melihat kedegilan para penyokong berkenaan, pancutan air pemedih mata berwarna kuning dilepaskan dari dua alat pancutan air sambil anggota-anggota Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU), yang lengkap dengan perisai dan cota, serta Pasukan Gerakan Am terus bergerak pantas ke arah penyokong untuk menahan mereka yang masih berdegil.

Bagaimanapun, jumlah mereka yang ditangkap belum dapat dipastikan.

Melihat keadaan itu, para penyokong itu mula bersurai dan keadaan kembali seperti sedia kala menjelang pukul 9.45 malam.

-- BERNAMA

TM WAT